

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

RM300j siapkan Lebuhraya Rakyat

RM300j siapkan Lebuhraya Rakyat

Pembinaan dijangka ambil tempoh 36 bulan, siap pada April 2025

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

KOTA BHARU

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM300 juta bagi menyambung projek Lebuhraya Rakyat yang dibina oleh kerajaan Kelantan sebelum ini melibatkan jarak 10 kilometer (km) bermula dari Bukit Tiu ke Kampung Berangan Mek Nab di Machang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pembinaan yang mengambil tempoh selama 36 bulan itu dijangka siap sepenuhnya pada April 2025.

"Untuk makluman, sebanyak 35 peratus projek tersebut telah disiapkan oleh kerajaan Kelantan," katanya selepas mengadakan lawatan di tapak projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai di Kok Lanas di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utility Kelantan, Datuk Azami Mohd Nor.

Menurutnya, selepas selesai proses pengambil alihan dan tender, kerajaan menjangkakan projek tersebut akan disambung dalam tempoh dua bulan lagi mengikut kos yang telah ditetapkan.

Beliau berkata, Projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai di Kok Lanas itu akan yang bersambung dengan projek Central Spine Road (CSR) yang bermula di Kuala Krai.

Ahli Parlimen Jeli itu berkata, ia meliputi tujuh pakej dengan anggaran keseluruhan sebanyak RM2.7 bilion dan dijangka siap



sepenuhnya pada 2025.

Dalam perkembangan sama, Mustapa berkata, mengikut perancangan asal projek bagi laluan Ketereh-Kok Lanas dijangka siap pada 29 Mac ini.

Beliau berkata, bagaimanapun projek itu menghadapi kewalahan sebanyak 15 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober ini.

"Projek sepanjang 6.2 kilometer ini sebenarnya tiada masalah-namun difahamkan kontraktor menghadapi kekangan disebabkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masalah pengambilan tanah, kewangan di samping ke-naikan kos bahan binaan."

"Setakat ini projek berkenaan tiada kos tambahan dan ia

masih dalam bajet kos asal iaitu RM200 juta memandangkan setakat ini perlaksanaannya kini hanya menelan belanja sebanyak RM168 juta," katanya.

Menurutnya, walaupun menghadapi pelbagai kekangan namun projek ini akan dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tindakan susulan.

Mustapa (kiri) semasa mengadakan lawatan di tapak projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai di Kok Lanas pada Sabtu.